

KUALA LUMPUR, 14 SEPT (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PEMINDAHAN KUASA DARI GOLONGAN TUA KEPADA GOLONGAN MUDA DALAM UMNO PERLU DISUSUN SEKARANG INI.

USIA UMNO, KATANYA, SUDAH MENINGKAT 32 TAHUN DAN RAMAI DARI AHLI DAK PARA PEMIMPINNYA SUDAH PUN MENINGKAT UMUR.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENINGGATKAN GOLONGAN MUDA DALAM PARTI MENGAWASI CARA-CARA MEREKA BERTINDAK UNTUK MENGGANTI KEM-PIMPINAN YANG LAMA.

+JANGANLAH GUGURKAN TRADISI SEMATA-MATA KERANA IANYA TRADISI. JANGAN PERCAYA KEPADA YANG BARU SEMATA-MATA KERANA IANYA BARU. + KATA NAIB PRESIDEN UMNO ITU SEWAKTU MERASMIKAN SERENTAK MESYUARAT PERWAKILAN AGUNG PERGERAKAN PEMUDA DAN PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI PAGI INI. —BERSAMBUNG 0953/AH

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG AKAN MENYANDANG TIMBALAN PRESIDEN UMNO DALAM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI TANPA BERTANDING BERKATA GOLONGAN PEMUDA DAN WANITA TELAH DIBERI PERANAN YANG NYATA DALAM PILIHANRAYA UMUM YANG DIADAKAN BARU-BARU INI.

PERANAN MEREKA ITU MEMBERI ERTI YANG ISTIMEWA DALAM ALIRAN MASA DEPAN UMNO.

+IA JUGA MERUPAKAN SATU JENIS UJIAN KEPADA GOLONGAN MUDA YANG TIDAK PUASHATI DENGAN BERBAGAI PERKARA DAN SEKARANG MENDAPAT PELUANG UNTUK MEMBETULKANNYA, + TEGAS BELIAU. —BERSAMBUNG 0955/AH

££

B504

UMNO - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG:-

+ALIRAN YANG TIDAK SIHAT DALAM KEMPEN UNTUK CALON MAJLIS TERTINGGI;

+PERBUATAN MENTAFSIRKAN AGAMA MENGIKUT KEHENDAK HATI DAN HASRAT DIRI ATAU HASRAT KUMPULAN TERTENTU DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI;

+TIDAK ADA KERJASAMA YANG UJUD DALAM BARISAN NASIONAL DI PERINGKAT PEMUDA DAN WANITA.

MENGENAI ALIRAN YANG TIDAK SIHAT DALAM KEMPEN UNTUK CALON MAJLIS TERTINGGI, BELIAU BERKATA, ALIRAN ITU TIDAK MENEKANKAN KELAYAKAN CALON.

IA TERTUMPU KEPADA KEBURUKAN CALON YANG LAIN DAN YANG LEBIH MENDUKACITAKAN JIKA TIDAK ADA KEBURUKAN CALON LAIN YANG BOLEH MEMBURUKKAN PELUANGNYA, ADA ORANG-ORANG YANG BOLEH ADAKANNYA. —BERSAMBUNG 1000/AH

££

B505

UMNO - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO PERLU MENENTUKAN SUPAYA MEREKA YANG TERCEMAR DAN MEMPUNYAI LATARBELAKANG YANG BURUK TIDAK HARUS DIPILIH SEBAGAI PEMIMPIN.

TETAPI, KATANYA, YANG MENJADI MASALAH IALAH PERBUATAN SENGAJA MENGADAKAN YANG TIDAK ADA SEMATA-MATA UNTUK MAKSUD MENGALAHKAN CALON LAIN.

+PERBUATAN INI AMATLAH BURUK KERANA AKIBATNYA IALAH YANG LAYAK TIDAK DIPILIH DAN YANG BERGANTUNG KEPADA CARA-CARA YANG KOTOR AKAN DIPILIH, + TEGASNYA.

BELIAU MENINGGATKAN BAHAWA JIKA TREND INI BERTERUSAN UMNO AKAN DIPIMPIN DAN DIWARISI OLEH MEREKA YANG BURUK BUDI-PEKERTI DAN AKHLAK SERTA YANG TIDAK MEMPUNYAI BAKAT DAN KALIBER MEMIKUL BEBAN DAN TANGGUNGJAWAB DALAM SEBUAH PARTI YANG BERKUASA.

DAN TIAP KALI PEMILIHAN DIBUAT, SEMAKIN BURUKLAH KEPIMPINAN PARTI DAN SEMAKIN LEMAHLAH PARTI, KATANYA LAGI. —BERSAMBUNG 1005/AH

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LAGI BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG ADA SEKARANG TERPAKSA MENGUNDUR DIRI DAN PERANAN YANG AKAN DIMAINKAN OLEH PEMUDA DAN WANITA AKAN BERTAMBAH DAN AKHIRNYA MEREKA AKAN MEWARISI UMNO SELURUHNYA.

APA YANG DIKHUATIRKAN IALAH SEMENTARA RAMAI YANG TAHU MENKRIK TIDAK RAMAI YANG MEMAHAMI ATAU MENGETAHUI SEJARAH DAN ASAS PERJUANGAN UMNO YANG MENENTUKAN KEJAYAANNYA SEKIAN LAMA.

MEMANJANG KEPADA MASALAH INI, BELIAU MENGANJURKAN SUPAYA SATU RANJANGAN DAN USAHA UNTUK MENYEDIAKAN DIRI UNTUK MENGAMBIL ALIH TUGAS MESTI DIBUAT.

KATANYA, PARA PEMUDA DAN WANITA HENDAKLAH MEMBUAT PERSEDIAAN DIRI, MENYERAPKAN SECARA SISTEMATIK SEJARAH DAN ASAS PERJUANGAN UMNO SELAIN DARI ASAS-ASAS KEPIMPINAN YANG BERKESAN. —BERSAMBUNG UMNO—MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ANTARA STRATEGI UMNO YANG TELAH MEMBERI KEMENANGAN KEPADANYA SEJAK TAHUN 1951 IALAH KESEDERHANAAN DAN KESANGGUPAN BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI LAIN ASALAH TIDAK MENJEJASKAN HASRAT PERJUANGAN PARTI.

STRETEGI INI PENTING KERANA KEJATUHAN LAIN-LAIN PARTI, LAIN-LAIN BANGSA, BAHKAN LAIN-LAIN NEGARA ADALAH DISEBABKAN OLEH TAMAK DAN SIKAP YANG MELAMPAU.

BELIAU MENEGASKAN BAHWA KESEDERHANAAN UMNO BUKAN DISEBABKAN OLEH KURANG KEBERANIAN TETAPI BERASAS KEPADA PERHITUNGAN YANG WARAS YANG TIDAK DIKONGKONG OLEH PERASAAN DAN NAFSU.

+KESEDERHANAAN UMNO ADALAH KESEDERHANAAN YANG MENGUTAMAKAN KEJAYAAN PERJUANGAN UNTUK AGAMA, BANGSA DAN TANAH AIR LEBIH DARI KEPUASAN HATI, + TEGASNYA LAGI.

— BERSAMBUNG D957/LK

EE

B508:

UMNO—MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

MENGENAI KERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA PEMUDA DAN WANITA UMNO SUPAYA MENGADAKAN PERHUBUNGAN DENGAN RAKAN SEBAYA MEREKA BAHWA MEREKA AKAN MENERUSKAN SIKAP UMNO YANG DIRAMALKAN SEKARANG.

KATANYA, KERAGUAN MUNGKIN TIMBUL, BAHKAN SUDAH PUN TIMBUL DI KALANGAN RAKAN-RAKAN DALAM BARISAN NASIONAL APAKAH BARISAN NASIONAL DAPAT DIKEKALKAN SELEPAS UMNO DIAMBILALEH KEPIMPINANNYA OLEH GENERASI YANG MUDA.

INI IALAH KERANA TIDAK ADA KERJASAMA YANG UJUD DI PERINGKAT PEMUDA DAN WANITA DALAM BARISAN NASIONAL.

KERJASAMA ANTARA UMNO DAN PARTI-PARTI LAIN DALAM BARISAN NASIONAL CUMA BERLAKU DI PERINGKAT KUMPULAN DEWASA.

— BERSAMBUNG 1000/LK

EE

B509:

UMNO—MAHATHIR 8 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN KERAGUAN INI TIMBUL TANDATANYA TENTANG KESTABILAN NEGARA DI MASA AKAN DATANG.

BELIAU JUGA MINGGATKAN PARA PERWAKILAN SUPAYA BERHATI-HATI DENGAN PERKEMBANGAN TAFSIRAN AGAMA ISLAM YANG BERSENDIRIAN.

TAFSIRAN ITU KATANYA DIBUAT BUKAN BERASAS AGAMA DAN AJARAN-AJARAN ISLAM TETAPI +KERANA SATU PERLUMBAAN YANG SUDAH UJUD DI KALANGAN ORANG ISLAM DI NEGARA INI DAN DI NEGARA ISLAM DAN MASYARAKAT ISLAM YANG LAIN.+

TAFSIRAN MODEN YANG MENGIKUT KEHENDAK HATI ITU ADALAH MERBAHAYA DAN MENGAKIBATKAN PECAH-BELAH, SENKETA, KEKELIRUAN DAN KELEMAHAN KEPADA ORANG ISLAM.

UMNO-MAHATHIR 9 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DI TIMUR TENGAH LEBIH RAMAI ORANG ISLAM DIBUNUH OLEH ORANG ISLAM SENDIRI DARIPADA ORANG ISLAM YANG DIBUNUH OLEH MUSUH BUKAN ISLAM.

BEBERAPA BUAH NEGARA ORANG MINORITI ISLAM DITINDAS DAN DIBURU TANPA SESUATU YANG BERKESAN YANG DIBUAT OLEH NEGARA-NEGARA ISLAM.

DI BEBERAPA NEGARA YANG DAHULU SERATUS PERATUS ATAU HAMPİR SERATUS PERATUS ISLAM, SEKARANG INI SUDAH MENOLAK AGAMA ISLAM DAN MENERIMA IDEOLOGI DAN FAHAMAN YANG BERTENTANGAN DENGAN ISLAM -- IAITU ATHEIS.

DI NEGARA INI PULA SEKARANG PERBUATAN MENTAFSIR SESUKA HATI SEDANG BERLAKU DENGAN PESATNYA.

PERLUUBAAN BERLAKU UNTUK MENUNJUK-NUNJUK APA YANG MEREKA ANGGAP SEBAGAI +KEISLAMAN+ YANG LEBIH NYATA KEPADA MASYARAKAT. KUMPULAN-KUMPULAN BUJUD YANG DIASINGKAN MELALUI PAKAIAN SERAGAM SEPERTI TERDAPAT DALAM AGAMA-AGAMA LAIN YANG MEMPUYAI +MONKS+ +NUNS+ DAN MAZHAB TERTENTU.

UMNO-MAHATHIR 10 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERBUATAN MEREKA ITU MEMBERI GAMBARAN BAHAWA ISLAM ADALAH SATU AGAMA YANG ANEH DAN TIDAK TOLERAN SERTA KESAM KEPADA ORANG YANG BUKAN ISLAM.

ALIRAN INI, KATANYA LAGI BUKAN SAJA BAHAYA KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI TETAPI JUGA KEPADA AGAMA ISLAM SENDIRI DAN ORANG MELAYU.

+KITA HARUS BERWASPADA SUPAYA KITA TIDAK TERPERANGKAP DENGAN KEGHAIRAHAN YANG SEDANG BERLAKU DI KALANGAN SETENGAH-SETENGAH ORANG ISLAM DI NEGARA KITA,+ KATANYA.

BELIAU MENGGESA PARA ANGGOTA UMNO SUPAYA MENENTUKAN BAHAWA AGAMA ISLAM TIDAK DIPENGARUHI OLEH RIAK NAFSU YANG BOLEH MENGHANCURKAN MEREKA DAN MENGHANCURKAN ORANG ISLAM DAN NEGARA INI.

-- BERNAMA 1009/LK